

29 OCT 2003

Profil-Abdullah (EMBARGO: Jumaat/30 Okt - Bergambar)

ABDULLAH BADAWI: PERJALANAN PENUH RANJAU KE PUTRAJAYA

Oleh: Penulis-penulis Bernama

KUALA LUMPUR: Setelah lebih 30 tahun sebagai penjawat awam, Perdana Menteri Malaysia kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masih belum begitu dikenali ramai.

Rata-rata umum cuma mengenalinya sebagai Pak Lah, seorang yang bersih, seorang yang baik, namun siapakah beliau sebelum dilantik Perdana Menteri?

Semasa bersekolah, beliau hanyalah Abdullah, budak kampung yang segar dan berpakaian kemas dari Kepala Batas, yang mudah berkawan, dan lantaran perwatakan yang berdisiplin dan penyabar, beliau sering terserlah sebagai ketua dalam kumpulannya.

Persahabatan beliau dengan para rakan sekelas dan gurunya yang terjalin lebih 50 tahun dahulu akrab sehingga kini dan ketika beliau mengorak langkah ke jawatan tertinggi negara, rakan-rakan lamanya tidak sedikit pun sangsi yang Abdullah tidak berubah dan tetap seperti dahulu.

Bagi guru pengakapnya Ng Soo Chai, biarpun sudah berusia 72 tahun, kenangan manis dan ingatannya tentang Abdullah sewaktu muda masih segar iaitu budak Melayu yang cemerlang di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, sebuah sekolah Inggeris di tanah besar Pulau Pinang yang kebanyakan muridnya terdiri daripada bukan Melayu.

"Saya nampak ciri-ciri kepimpinannya ketika beliau dalam pasukan pengakap saya. Sebagai ketua patrol selama empat tahun bermula 1953, beliau penyabar, tenang, rendah diri serta peramah."

#### PEMIMPIN YANG BAIK

"Beliau sentiasa prihatin terhadap mereka di bawah jagaannya dan memastikan tempat tidur mereka selesa dan makanan mereka cukup semasa perkhemahan. Sejak awal lagi, beliau menonjolkan sifat penyayang seorang pemimpin," Ng dengan riang mengimbas kembali.

Ng bangga terutamanya apabila mengenangkan peristiwa beliau meminta bergambar dengan Abdullah dan isterinya, Endon Mahmood.

"Saya diminta duduk manakala beliau dan isterinya berdiri di belakang saya. Beliau kekal bersopan. Saya tidak akan melupai saat itu," kata Ng.

Dilahirkan di Kepala Batas pada 26 November 1939, Abdullah anak sulung kepada pasangan guru agama dan ahli politik Ahmad Badawi dan Kailan Hassan. Beliau ada dua orang adik lelaki, Ibrahim dan Tahir, dan seorang adik perempuan, Aminah.

Abdullah berkahwin dengan Endon pada 4 September 1965 dan mereka dianugerahi dua orang anak, Kamaluddin dan Nori dan empat orang cucu.

Kamaluddin, kini ahli perniagaan, menuntut dalam bidang Undang-Undang di Universiti Cambridge manakala Nori, sizwazah Universiti Syracuse, Amerika Syarikat dalam bidang Hubungan Antarabangsa dan Geografi, bekerja dengan kumpulan penyelidikan bebas.

Ninda Abdullah, Sheikh Abdullah Fahim, seorang ulamak yang dihormati, lama menetap di Mekah dan kemudiannya menjadi Mufti Pulau Pinang. Keluarganya disanjung bukan sahaja di Kepala Batas malah di seluruh negara.

#### TARIKH BERTUAH

Ketua Pemuda Umno ketika itu Sardon Jubir memberitahu Tunku Abdul Rahman dan Ahmad Badawi bahawa Sheikh Abdullah Fahim telah mencongakkan kepada mereka tarikh yang afdal untuk Tanah Melayu mengisytiharkan tarikh kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman kemudian berunding dengan Sheikh Abdullah Fahim yang memberikan 31 Ogos sebagai tarikh untuk acara bersejarah itu.

Sheikh Abdullah Fahim juga mengasaskan Sekolah Agama Daeratul Maarif Al Wataniah, yang masih tersergam bersebelahan rumah keluarga beliau di Kepala Batas. Di sekolah itulah Ahmad Badawi kemudiannya mengajar dan di situlah juga Abdullah mendapat pendidikan agama.

Ahmad Badawi, seorang daripada nasionalis Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan, merupakan di antara ulamak yang kekal dalam UMNO tatkala "pemberontakan ulamak" tercetus pada awal 1950an menyebabkan banyak guru agama meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Islam Se-Malaysia. Beliau menjadi timbalan ketua Pemuda UMNO dari 1953 hingga 1963, dan menjadi Wakil Rakyat Kepala Batas (kemudiannya dikenali sebagai Bertam) dari 1972 hingga 1977.

Asas kukuh Abdullah dalam UMNO terbina sejak zaman mudanya dan beliau tidak berganjak walaupun ketika UMNO berpecah pada 1988 dan mendorong ramai rakan seperjuangannya menubuhkan sebuah parti saingan yang dinamakan Semangat 46.

Selain Ng, ramai rakan-rakan sekolah Abdullah masih saling menghubunginya biarpun berbeza kerjaya, dan terkenangkan kemesraan dan sifat-sifat mulia Abdullah yang tidak luput walaupun beliau akan menjadi perdana menteri.

#### MURAH DENGAN SENYUMAN

Jurutera JKR yang kini bersara, S.Shanmugarajah, pertama kali mengenali Abdullah pada 1953 semasa bersama-sama memasuki Tingkatan Satu di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam.

"Walaupun baru kali pertama saya berjumpa dengannya, saya sudah sukakannya kerana keramahannya dan kemurahan senyumannya. Sifat-sifat itu tidak berubah sampai kini."

Dalam zaman persekolahan seterusnya, Abdullah semakin popular di kalangan guru dan pelajar di sekolah itu bukan sahaja kerana personalitinya malah "kerana kebolehannya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan."

Abdullah bukan daripada keluarga orang berada dan terpaksa mengharungi kesempitan hidup ketika itu. Beliau berulang-alik 13 batu (23km) setiap hari dari rumahnya di Kepala Batas ke sekolah di Bukit Mertajam.

"Beliau terpaksa bangun awal supaya tidak ketinggalan bas dan apabila pelajar lain pulang makan tengahari di rumah sebelum kembali semula ke sekolah semula di sebelah petang untuk aktiviti ko-kurikulum, Abdullah berada di sekolah. Saya tak pernah dengar beliau merungut walaupun sekali," kata Shanmugarajah.

Semasa Abdullah dilantik ketua pengakap sekolah, beliau sering menganjurkan lawatan ke tempat-tempat di luar Bukit Mertajam, seperti ke pantai-pantai Pulau Pinang. Ibu bapa ketika itu agak keberatan membenarkan anak mereka pergi berkelah di pantai tetapi Abdullah berjaya menyakinkan mereka bahawa keselamatan anak mereka terjamin.--lagi

/Penulis-penulis Bernama

#### KEBOLEHAN MEMIMPIN

"Beliau rela dipertanggungjawabkan dan setelah beberapa kali menunjukkan daya kepimpinannya, ibu bapa meletakkan kepercayaan kepadanya dan bersetuju melepaskan anak mereka," katanya.

Ng dan Shanmugarajah masih menyimpan koleksi gambar pasukan pengakap dan menunjukkan gambar-gambar berkenaan dengan penuh kebanggaan.

Di sekolah, Abdullah meminati pelajaran bahasa Inggeris dan kerana kemahirannya menulis dwibahasa -- Melayu dan Inggeris, Abdullah dilantik sebagai ahli lembaga pengarang untuk majalah sekolah yang dipanggil "Bukit".

Shanmugarajah masih ingat akan rencana mengenai Kemerdekaan yang ditulis Abdullah untuk majalah itu. "Kumpulannya di Tingkatan Lima dipanggil Kumpulan Merdeka."

Semangat nasionalisme ditiupkan dalam jiwa Abdullah sejak kecil lagi, katanya.

#### TIADA YANG BERUBAH

"Tiada yang berubah sejak 50 tahun saya mengenalinya," kata peguam G.Rethinasamy, rakan sekolah Abdullah sejak 1953 hingga mereka sama-sama melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di Sekolah Methodist Lelaki di Pulau Pinang.

Rethinasamy terpaksa berhenti belajar semasa di Tingkatan Enam kerana masalah kewangan tetapi kemudian belajar secara persendirian hingga menjadi peguam. Beliau terputus hubungan dengan Abdullah hampir 20 tahun hinggalah mereka bertemu kembali di Kepala Batas pada 1978 setelah Abdullah meninggalkan perkhidmatan awam dan menjadi ahli politik.

"Beliau masih orang yang sama yang saya kenali sebagai pelajar, sentiasa senyum, muka baik." ujar Rethinasamy mengenangi zaman silamnya.

Abdullah pernah membawa beg besar ke sekolah seperti mana seorang lagi rakannya, Radzi Mansor (kini pengerusi Telekom Malaysia) dan dua orang sepupunya.

Suatu hari, di perhentian bas, Abdullah menyedari begnya lebih berat daripada biasa dan setelah membukanya, mendapati kepingan batu-bata yang dimasukkan seorang sepupunya, arwah Manaf Abdullah.

"Beliau tidak pula melenting marah, sebaliknya ketawa melihatkan sesuatu yang menggelikan hati," kata Rethinasamy.

#### TAAT PADA AGAMA

Rethinasamy berkata rakan-rakan lamanya masih terpukau dengan perwatakan Abdullah setiap kali mereka bertemu.

"Beliau akan memeluk bahu kami, seperti semasa kanak-kanak dahulu, dan saya memperingatkan beliau tentang protokol kerana beliau sekarang orang penting. Tetapi beliau tidak ambil kisah."

Selain mengetepikan protokol apabila bertemu rakan-rakannya, Rethinasamy berkata satu lagi sifat yang sehati dengan jiwa Abdullah ialah ketaatannya pada agama.

"Beliau masih orang sederhana dan senang bergaul dengan semua bangsa. Didikan dan agama telah membentuk dirinya kekal menjadi seorang yang mulia, baik serta bersih hingga hari ini. Di sekolah, saya tidak pernah tengok dia meninggalkan puasa dan sembahyang,"katanya.

Abdullah melanjutkan pelajaran hingga ke Universiti Malaya. Walaupun berjaya memperolehi biasiswa Perkhidmatan Awam Malaysia untuk pengajian jurusan ekonomi, beliau mencontohi datuk dan ayahnya dengan memilih pengajian Islam untuk kursus ijazahnya.

Di universiti beliau meneruskan penglibatannya dalam politik pelajar. Abdullah sebelum ini pun aktif dalam pertubuhan-pertubuhan nasionalis seperti Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai yang diwakilinya di kongres tahunan Persekutuan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada 1957 semasa beliau hanya dalam Tingkatan Lima.

Di sinilah mulanya penglibatan beliau yang lama dengan GPMS sehingga Abdullah menjadi presiden dari 1962-64 dan kini terlibat sebagai penasihat.

/Penulis-penulis Bernama

#### TUGASAN PENTING

Khidmatnya dengan Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang ditubuhkan

ekoran rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 boleh dikatakan yang paling penting dalam kerjayanya sebagai pentadbir awam. Ketika Abdullah baru berusia 29 tahun, beliau dilantik sebagai ketua penolong setiausaha Mageran dan bekerja bersama-sama Tun Abdul Razak Hussein dan pegawai-pegawai tinggi awam, tentera dan polis mentadbir negara dalam masa darurat.

Malah, sebelum rusuhan meletus, Abdullah buat pertama kalinya menemui tokoh UMNO yang paling lantang, Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah ketika itu setiausaha kepada jawatankuasa khas yang diketuai Tan Sri Abdul Kadir Samsuddin, ditugaskan untuk melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan.

Dr Mahathir selaku Pengerusi Majlis Perancangan Pendidikan Tinggi juga ahli jawatankuasa itu. Dari situlah bermulanya kerjasama antara kedua-dua mereka hinggalah Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Abdullah dinamakan penggantinya.

Semasa bertugas di Mageran, ayah Abdullah sudah pun menjadi ahli politik terkenal di Pulau Pinang manakala pentadbiran Tun Razak pula melihat potensi Abdullah sebagai bakal pemimpin negara.

Tun Razak menawarkan jawatan Setiausaha Eksekutif UMNO kepada Abdullah tetapi beliau menolaknya kerana gaji yang ditawarkan lebih rendah daripada gajinya sebagai pegawai Mageran. Apabila dimaklumkan tentang alasan Abdullah menolak tawaran itu, Tun Razak berkata, "Abdullah, UMNO tidak ada wang."

Selepas Mageran dibubarkan, sekretariat Majlis Keselamatan Kebangsaan diwujudkan di mana Abdullah berkhidmat buat seketika sehingga Tun Razak meminta beliau menjadi Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tun Razak memberitahunya, "Saya mahu awak bantu Hamzah (Hamzah Abu Samah, yang ketika itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.) Awak mesti menerima tawaran ini kerana ia kenaikan pangkat untuk awak." Abdullah tidak dapat menolak tawaran itu kerana ini bermakna beliau melangkaui dua kumpulan pegawai dalam perkhidmatan awam.

#### DEBAT MENGENAI MELAYU

Pada waktu itu juga penting bagi masyarakat Melayu untuk menilai diri. Persoalan masa depan orang Melayu hangat diperkatakan. Ketika itu, Dr Mahathir sedang menulis buku 'Malay Dilemma' yang kemudiannya mengejutkan negara dan rantau.

Pada 1968, Abdullah dipelawa menyertai jawatankuasa Belia UMNO mengenai Revolusi Mental, dipengerusikan Datuk Senu Abdul Rahman, yang bertujuan merubah minda orang Melayu bagi menghadapi cabaran baru ekonomi. Abdullah menjadi setiausaha penyelaras jawatankuasa itu dan turut menghasilkan karya untuk buku Revolusi Mental yang menjadi bahan bacaan para cendekiawan, politik dan aktivis Melayu.

Pada 1978, ekoran pengumuman Datuk Sopiie Ibrahim untuk bersara menjadi Anggota Parlimen Kepala Batas dan sejurus selepas kematian ayah Abdullah, setiausaha Umno Kepala Batas ketika itu, Datuk Mohd Nor Ahmad, diminta mencari seorang calon muda untuk bertanding di kawasan berkenaan.

Beliau ada dua calon -- Abdullah, yang baru dinaikkan pangkat sebagai timbalan ketua setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, dan Tan Sri Murad Mohd Nor yang ketika itu ketua pengarah Kementerian Pendidikan.

Kedua-dua Abdullah dan Murad menolak tawaran itu dan memilih untuk kekal dalam perkhidmatan awam demi meneruskan kerjaya cemerlang mereka.

/Penulis-penulis Bernama

#### ASAS DALAM POLITIK

Ini berlarutan beberapa minggu dan Mohd Nor hampir berputus asa

sehinggalah pada pertemuan terakhir dengan Murad yang memintanya memujuk Abdullah sekali lagi. Murad berpendapat Abdullah mempunyai asas kukuh dalam politik kerana penglibatan arwah bapanya dalam UMNO.

Murad berkata beliau tiada asas politik dan akan hanya merugikan arena politik kerana beliau tidak arif berpolitik. Perkhidmatan awam juga akan kerugian jika beliau membelakangkan bidang pendidikan.

"Ninda Dollah seorang ulamak dan bapanya hero politik. Pujuklah Dollah dan maklumkan kepadanya apa yang telah saya katakan," Murad memberitahu Mohd Nor.

Mohd Nor sekali lagi menemui Abdullah, untuk kali keempat, dan mengulangi kepada Abdullah setiap patah perkataan yang telah diucapkan Murad.

Mohd Nor juga memberikan kata dua kepada Abdullah -- ambil peluang ini sekarang atau langsung terlepas peluang. Hanya selepas itu, Abdullah memohon masa dua minggu untuk memikirkan tawaran tersebut.

Akhirnya, Abdullah bersetuju, tetapi dengan syarat Mohd Nor turut memastikan Umno Kepala Batas bekerja keras menentukan kejayaannya dalam pilihan raya kelak.

Mohd Nor bersetuju dengan syarat Abdullah dan hari ini, sedang Abdullah menunggu masa menjadi perdana menteri, Mohd Nor berkata "Saya merasa amat gembira. Saya sentiasa yakin terhadap beliau dan keupayaannya."

Abdullah meletak jawatan daripada perkhidmatan awam pada Jun 1978 untuk bertanding di Kepala Batas menentang calon PAS Haji Musa Haji Mohd Yatim. Beliau memenangi kerusi itu dengan majoriti selesa sebanyak 5,029.

#### KENAIKAN CEPAT DALAM PERKHIDMATAN

Seperti mana Abdullah cepat naik dalam perkhidmatan awam, begitulah juga dalam kerjaya politiknya. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan pada 1978 dan dua tahun kemudian, menjadi timbalan menteri di Kementerian itu. Pada 1981, Dr Mahathir melantik beliau sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri, mencatatkan kenaikan pangkat yang begitu cepat bagi tokoh politik Malaysia ketika itu.

Sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdullah diamanahkan untuk merangka dan melaksanakan inisiatif utama Dr Mahathir di peringkat awal beliau menjadi Perdana Menteri. Abdullah menyelia pelaksanaan dasar Ke-Islaman sejajar dengan aliran semasa di samping mengekalkan pendirian Malaysia yang sederhana dalam menghadapi radikalisme akibat revolusi Iran. Beliau mengendalikan Dasar Pandang Ke Timur yang bertujuan menyemai etika kerja yang baik di kalangan tenaga kerja Malaysia.

Abdullah juga memainkan peranan penting dalam program-program bernas Dr Mahathir termasuk kempen "Kepimpinan Melalui Teladan", Persyarikatan Malaysia, Dasar Pengswastan dan memperbaiki perkhidmatan kaunter agensi-agensi kerajaan.

Beliau membawa inovasi dalam perkhidmatan awam dengan mewujudkan konsep pusat serenti untuk orang awam berurusan dengan kerajaan. Pada masa itu Abdullah juga menteri bertanggungjawab bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Tabung Haji, Jabatan Hal Ehwal Islam dan Biro Tatanegara (BTN), itu agensi di bawah jajaannya yang ditubuhkan semasa beliau memegang jawatan Pengarah Belia.

Sebagai pengiktirafan terhadap kebolehan Abdullah dan selepas beliau terpilih sebagai salah seorang daripada tiga naib presiden Umno, Dr Mahathir melantik beliau sebagai Menteri Pendidikan pada 1984.

Jawatan berkenaan ketika itu dianggap batu loncatan utama untuk naik ke jawatan Perdana Menteri. Pada 1986, apabila Dr Mahathir mahu melepaskan jawatannya sebagai Menteri Pertahanan, Abdullah diminta menggantikan tempatnya di Kementerian Pertahanan.

/Penulis-penulis Bernama

#### NASIB BAIK BERTUKAR BURUK

Setahun kemudian, nasib Abdullah dalam arena politik mula bertukar menjadi buruk. Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam mencabar kepimpinan Dr Mahathir pada pemilihan Umno dan Abdullah bersekongkol dengan mereka.

Razaleigh kecundang kepada Dr Mahathir dalam perebutan jawatan presiden manakala Musa tewas kepada Ghafar Baba yang memenangi jawatan timbalan presiden dan dilantik timbalan perdana menteri baharu.

Walaupun Abdullah mengekalkan jawatan naib presiden dengan memperolehi bilangan undian kedua terbanyak, namun kedudukannya sudah terjejas.

Dr Mahathir merombak kabinet pada Mei 1987, beberapa minggu selepas pemilihan parti dan menggugurkan mereka yang menentang dasarnya, dengan alasan bahawa beliau tidak mungkin mempunyai barisan kabinet yang efektif jika sesetengah anggotanya membantah keputusan kerajaan. Abdullah adalah seorang daripada menteri yang digugurkan dan kerjaya politik yang sebelum ini amat cerah kini malap.

"Terumbang-ambing selama 46 bulan adalah tempoh yang amat sukar," demikian Abdullah menggambarkan keadaan yang diharunginya apabila kehilangan pengaruh dan dipinggirkan dan secara berseloroh menyamakan nasibnya dengan tempoh 46 bulan tentera Jepun menduduki Tanah Melayu.

Lebih kurang 10 bulan kemudian, Mahkamah Tinggi mengisytiharkan UMNO tidak sah berikutan saman terhadap parti itu oleh para penyokong yang tewas dalam pemilihan parti.

#### PARTI ALTERNATIF

Setelah UMNO dibubarkan, Tengku Razaleigh menubuhkan parti alternatif dikenali sebagai Semangat 46 manakala Dr Mahathir dan penyokongnya menubuhkan UMNO Baru.

Walaupun Abdullah kekal dalam UMNO, beliau tidak lagi dipercayai sepenuhnya oleh kebanyakan mereka yang menentang kepimpinan Dr Mahathir ketika pemilihan parti pada 1987. Kesetiaan Abdullah diuji dengan hebatnya setelah satu demi satu pilihan raya kecil yang diadakan, calon Umno Baru dicabar oleh golongan anti-Mahathir.

Ujian getir yang pertama diharungi Abdullah ialah apabila beliau terpaksa berkempen menentang rakan lamanya dalam UMNO, Datuk Shahril Samad pada pilihan raya kecil kerusi parlimen Johor Baru yang dimenangi calon daripada kalangan penentang UMNO.

Hanya beberapa minggu kemudian, berlaku pula pilihan raya kecil dewan undangan negeri kawasan Parit Raja di Johor dan sekali lagi, Abdullah terpaksa berkempen menentang rakan-rakan lama, termasuk Musa Hitam, yang giat menentang calon UMNO Baru.

Kali ini, UMNO menang, meskipun dengan kelebihan undi yang sedikit dan untuk seketika, semangat ahli-ahlinya kembali pulih.

Sepanjang tempoh ini, tanpa memegang jawatan dalam kerajaan atau kemudahan, Abdullah beroperasi dari sebuah pejabat kecil di syarikat agensi pelancongan milik iparnya di Jalan Raja Laut. Abdullah hanya dibantu rakan setia yang juga setiausaha politiknya, allahyarham Datuk Haji Fatah Abdullah dan segelintir penyokong.

/Penulis-penulis Bernama

#### HARI-HARI SUKAR

Seorang daripada pembantunya, bekas wartawan Datuk Kamarulzaman Zainal, yang kemudian menjadi Setiausaha Akhbarnya apabila beliau menyertai semula kerajaan menceritakan nasib Abdullah semasa terumbang-ambing dahulu.

"Susahnya ketika itu. Orang takut menemui beliau kerana bimbang ditimpa nasib buruk. Kami yang segelintir seperti Haji Fatah, bergilir-gilir menaip surat, menulis ucapan dan melayani orang kampung yang datang menemui

beliau," kata Kamarulzaman.

Mereka juga tiada wang dan sekadar hidup dengan wang pencen dan simpanan Abdullah dan Fatah. Untuk meneruskan hidup, Abdullah terpaksa menjual rumahnya di Jalan Medang Kapas di Bangsar.

Kamarulzaman juga masih ingat dengan telatah sesetengah orang yang ingin menemui Abdullah di pejabatnya di tingkat 12. Mereka akan menaiki lif ke tingkat 13 atau 11, dan tidak berhenti di tingkat 12.

"Mereka sanggup berjalan naik atau turun tangga kecemasan kerana khuatir dilihat berhenti di tingkat pejabat Abdullah," kata Kamarulzaman.

Bagaimanapun, Abdullah tidak pernah mengungkit kisah ini walaupun mereka yang dahulunya menyisihkan Abdullah kini agak rapat dengan beliau. "Beliau tidak menyimpan dendam. Beliau seorang pengampun," kata Kamarulzaman, yang telah berkhidmat dengan Abdullah selama 13 tahun sejak 1991 sebagai Setiausaha Akhbar. Beliau kini eksekutif kanan di sebuah stesen televisyen swasta.

#### TUMPUAN KEPADA POLITIK

Sekitar waktu itu, Dr Mahathir menawarkan Abdullah jawatan pengerusi sebuah syarikat besar milik kerajaan. Namun Abdullah menolak tawaran itu dengan alasan beliau mahu menumpukan perhatian terhadap politik. Dr Mahathir kemudiannya melantik Abdullah sebagai ketua perwakilan UMNO ke Majlis Jawatankuasa Perunding Ekonomi Kebangsaan (NECC) selain menjadi anggota utama NECC. Majlis itu merangka Dasar Pembangunan Negara bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru.

Abdullah menumpukan sepenuh tenaganya kepada jawatan-jawatan tidak bergaji sebagai naib presiden UMNO dan anggota NECC. Ketabahan beliau membuahkan hasil apabila pada pemilihan parti tiga tahun sekali pada 1990, beliau mengekalkan jawatan naib presiden Umno dalam pada menghadapi tentangan musuh-musuh politiknya dalam parti.

Kira-kira setahun kemudian, pada 15 Mac 1991, Dr Mahathir membawa Abdullah kembali ke Kabinet sebagai Menteri Luar Negeri, jawatan yang disandangnya selama sembilan tahun sebelum beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Rakan seangkatan dengan Abdullah dalam perkhidmatan awam dan politik, Datuk Abu Hassan Omar teringat sikap Abdullah yang sentiasa senang dihampiri dan memberikan nasihat bernas. Beliau juga mudah menerima pendapat atau idea orang lain.

Abu Hassan dan Abdullah menjadi rakan rapat dalam tahun 1970an kerana pejabat mereka terletak di bangunan yang sama di Wisma Keramat, Jalan Gurney.

/Penulis-penulis Bernama

#### SIKAP MUDAH MENERIMA

Ketika itu Abdullah menyandang jawatan timbalan ketua setiausaha Kementerian Belia dan Sukan manakala Abu Hassan, timbalan ketua setiausaha Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah. Kedua-duanya kemudian menceburi bidang politik pada tahun yang sama.

"Kekuatan bagi seseorang pemimpin ialah sikap mudah menerima pandangan dan pendapat kerana orang bawahan akan sentiasa memerlukan bimbingan. Pak Lah ada kemampuan sedemikian. Beliau amat terbuka dan mudah didampingi.

"Sejak beliau pegawai kerajaan hingga kini beliau tidak banyak berubah. Anak buahnya menyukai beliau kerana senang dibawa berbicara," katanya.

Ditanya mengenai gaya kepimpinan Abdullah, Abu Hassan tidak teragak-agak menjawab: "Beliau sentiasa senyum tetapi amat tegas."

Abu Hassan berkata sepanjang kerjaya Abdullah dalam perkhidmatan awam, beliau menunjukkan keupayaan dan kebolehan untuk melaksanakan apa yang diamanahkan kepadanya. "Beliau berpengalaman dan berkarisma. Dr Mahathir

memilih beliau kerana Pak Lah boleh diharap. Secara peribadi, saya percaya Pak Lah boleh menjadi PM yang baik jika semua orang memberi sokongan kepadanya," katanya.

Namun dalam mengharungi ranjau-ranjau politik UMNO, penerimaannya kembali dalam Kabinet tidak bermakna segala rintangan dapat diatasi. Ada lagi rintangan yang lebih buruk menanti.

#### KERJAYA BAHARU

Pada 1993, masuk tahun kedua setelah Abdullah diterima semula menganggotai Kabinet, anggota Majlis Tertinggi Umno Anwar Ibrahim memutuskan untuk merebut jawatan timbalan presiden parti daripada Ghafar Baba yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Anwar yang disokong oleh media dan pemimpin muda UMNO yang berpengaruh seperti Tan Sri Muhammad Taib Muhammad, yang ketika itu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika itu Menteri Besar Johor, nampaknya amat sukar dihalang.

Abdullah, yang dipinggirkan Anwar di Pulau Pinang (Anwar menjadi Ketua UMNO Pulau Pinang menggantikan Abdullah selepas perebutan kuasa UMNO 1987), menjalin hubungan rapat dengan Ghafar yang bersimpati dengan Abdullah sewaktu beliau terumbang-ambing. Apabila Anwar mengumumkan hasratnya untuk mencabar Ghafar, Abdullah adalah antara orang yang mula-mula menyatakan secara terbuka sokongan kepada Ghafar.

Abdullah tewas dalam pemilihan untuk tiga jawatan naib presiden dengan perbezaan undi yang tipis dengan menduduki tempat keempat dalam perebutan itu. Beliau masih berjaya mendapatkan undian daripada penyokong terasnya tetapi akibat pengundian secara berkumpulan dalam pemilihan yang dicemari politik wang. Pembelian undi sungguh ketara sehingga kedengaran ada perwakilan yang berkata "tiada gunanya pergi ke rumah Abdullah kerana dia tiada wang."

Walaupun ada di kalangan puak berpengaruh cuba mendesak Dr Mahathir untuk menggugurkan Abdullah daripada Kabinet, Dr Mahathir tidak berganjak malah melantik Abdullah sebagai anggota Majlis Tertinggi parti.

--Penulis-penulis Bernama

#### BERGIAT AKTIF DALAM PARTI

Abdullah terus giat aktif berkhidmat untuk parti dan ditugaskan melawat banyak negara asing sebagai menteri luar untuk melaksana dan mencapai matlamat dasar luar negara Malaysia.

Pada pemilihan parti 1996, Abdullah bertanding sekali lagi untuk merebut satu daripada tiga jawatan naib presiden dan membuktikan sokongan teras terhadapnya tidak terhakis. Beliau menang dengan undian kedua terbanyak untuk jawatan itu.

Apabila krisis ekonomi melanda Malaysia pada 1997, para penyokong Datuk Seri Anwar yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, melancarkan tindakan bersepadu untuk menggugat kedudukan Dr Mahathir tetapi gagal. Abdullah, pada ketika itu, tegas menyokong Perdana Menteri.

Pada 2 Sept, 1998, Anwar dipecat dari Kabinet dan UMNO.

Empat bulan kemudian, pada 8 Januari, 1999, pada hari Jumaat dalam bulan Ramadan, Abdullah dilantik sebagai timbalan perdana menteri yang baru merangkap Menteri Dalam Negeri.

#### PAMERKAN KETENANGAN

Pada 22 Jun tahun lalu, Dr Mahathir membuat pengumuman mengejut beliau mahu bersara dari politik pada perhimpunan agung UMNO. Dalam keadaan kelim kabut dan beremosi sejurus selepas pengumuman itu, Abdullah dengan tenang menghadapi saat genting apabila menggunakan pembesar suara dan membentangkan usul tergepar meminta perwakilan menolak perletakan jawatan

Dr Mahathir.

Berikutan itu, beliau mengetuai satu rombongan pemimpin tertinggi parti menemui Dr Mahathir dan berjaya memujuk Perdana Menteri untuk terus memimpin. Dr Mahathir bersetuju untuk kekal sebagai PM hanya sehingga 31 Oktober tahun ini.

Apabila Abdullah memulakan tugas sebagai PM kelak, beliau akan berbekalkan pengalaman selama 13 tahun dalam perkhidmatan awam dan 25 tahun dalam arena politik. Sebagai menteri beliau bukan sahaja telah memegang pelbagai portfolio penting, malah beliau berpengalaman luas sebagai pentadbir awam ketika negara menghadapi detik paling mencabar dalam sejarah Malaysia moden.

Pengalaman bertugas dalam Mageran dan sebagai anak didik Tun Razak memberikan beliau kesempatan terlibat dalam perbincangan dan perbahasan yang kemudian melahirkan prinsip-prinsip asas Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara yang menjadi teras pembangunan Malaysia hari ini.

Pengalaman yang tiada tolok bandingnya serta pendedahan kepada pelbagai peringkat urusan kerajaan, telah melengkapkan diri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadapi tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima pada 31 Oktober, 2003, yang secara kebetulan jatuh pada hari Jumaat dalam bulan Ramadan yang mulia.

-- BERNAMA

/Penulis-penulis Bernama